

# Dr M tak tahu isu peralihan kuasa dibincang mesyuarat PH

BH - 19/2/2020 m/s: 2

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu sama ada mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) pada Jumaat ini akan membincangkan isu berkaitan peralihan kuasa Perdana Menteri.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi PH berkata, beliau juga tidak akan membangkitkan isu itu di dalam mesyuarat berkeajaan.

"Saya akan menjadi pengerusi.., jadi kerusi," katanya secara berseloroh kepada pemberita selepas melancarkan Bulan Antidadah Kebangsaan 2020, di sini semalam.

Dr Mahathir turut mengulangi janjinya sebelum ini bahawa be-

liau akan meletakkan jawatan selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), November ini.

"Saya kata saya bersedia untuk meletakkan jawatan apabila tiba masanya. Saya janji saya akan letak jawatan dan akan letak jawatan.

"Apa juga keputusan yang dibuat saya akan letak jawatan selepas mesyuarat APEC," kata Dr Mahathir.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Khamis lalu dilaporkan berkata, beliau cenderung agar Dr Mahathir menerajui negara sehingga selesai Sidang Kemuncak APEC dan perkara itu akan dimuktamadkan

pada Jumaat ini.

Anwar juga dilaporkan berkata, isu peralihan kuasa akan dimuktamadkan dalam mesyuarat Majlis Presiden PH pada 21 Februari ini.

Berhubung laporan media Australia yang mendakwa satu perempat daripada pencari suaka di negara itu adalah warga negara Malaysia, Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu mendapatkan maklumat penuh laporan itu sebelum mengambil tindakan susulan.

Portal berita *The Sydney Morning Herald*, semalam melaporkan daripada 1,931 pencari suaka ke Australia, 546 datang dari Malaysia.